

**PM Ucap Selamat Menyambut Hari Wilayah Persekutuan
Bernama
1 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengucapkan selamat menyambut Hari Wilayah Persekutuan kepada warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Perdana Menteri turut berharap agar kemajuan yang mapan dapat dikecapi dirasai semua rakyat.

"Selamat menyambut Hari Wilayah Persekutuan kepada warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Kita mahu kemajuan yang mapan dan dirasai semua rakyat," katanya dalam tweet terbaru beliau hari ini.

Hari Wilayah Persekutuan disambut pada 1 Feb setiap tahun sempena pembentukan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan pertama dan menjadi ibu negara Malaysia pada 1974.

Wilayah Persekutuan Labuan menjadi wilayah persekutuan kedua pada 16 April 1984 diikuti Putrajaya pada 1 Feb 2001.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925477>